

Seni putaran: Gasing Pangkah Tradisional yang Kian Lenyap

Nurul Aqillah binti Zaini
Siti Nor Ayna binti Mohd Ayu
Mohd Zairul Masron

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan warisan dan seni kebudayaan di mana salah satu daripadanya adalah permainan tradisional. Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada satu permainan tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat kita pada suatu masa dahulu iaitu permainan tradisional Gasing Pangkah. Permainan tradisional ini amat terkenal di kebanyakkannya negeri di Semenanjung Malaysia namun begitu permainan tradisional ini kian dilupakan terutamanya dalam kalangan anak muda berikutan arus kepesatan dan kemodenan yang dikecapi pada hari ini. Penyelidikan ini dijalankan untuk memperkenalkan dan memperluaskan lagi kepada masyarakat umum mengenai sejarah Gasing Pangkah, kaedah pembuatan gasing tradisional dan kaedah permainan Gasing Pangkah. Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan bahan daripada kaedah sejarah lisan, sumber bahan bacaan dan kajian serta penelitian pengkaji terhadap bidang ini.

Kata kunci: Seni warisan; Permainan tradisional; Gasing; Gasing Pangkah; Pembuatan gasing.

ABSTRACT

Malaysia has many traditional heritage, cultures and art. One of them is Malay traditional games. Researchers have focused on one of the popular traditional games among Malaysians a long time ago which is Gasing Pangkah. This traditional game is very popular in peninsular Malaysia however this traditional game has now been forgotten especially amongst youngsters due to the modernization that our country achieved nowadays. This research is conducted in order to introduce and expand the knowledge to our society about the history

of Gasing Pangkah, the process of making traditional spinning tops and the techniques to play the Gasing Pangkah. Researchers have used the method of oral history to collect data and information about these fields together with reading material as references.

Keywords: Art heritage; Traditional game; Spinning Top; Gasing Pangkah; The process of making spinning tops.

PENGENALAN

Penyelidikan yang dijalankan adalah mengenai seni warisan tradisional Malaysia. Kepelbagaiannya kaum di Malaysia telah menghasilkan pelbagai seni warisan yang masih relevan sehingga kini dan diturunkan kepada generasi sekarang (Jabatan Warisan Negara, 2016). Sehingga kini, warisan dan seni kebudayaan telah digunakan sebagai simbolik atau alatan bagi menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara dengan usaha ini ia dapat membantu memperkenalkan lagi Malaysia di persada dunia.

Malaysia bukan sahaja kaya dengan sejarah malahan negara ini juga mempunyai pelbagai warisan dan kebudayaan antaranya adalah permainan tradisional. Terdapat dua jenis permainan tradisional iaitu permainan laman dan juga permainan anjung di mana kedua-dua permainan ini sangat popular dalam kalangan masyarakat pada masa dulu. Permainan laman dimainkan di dalam rumah manakala permainan anjung dimainkan di kawasan lapang seperti padang atau gelanggang. Antara permainan anjung ialah batu seremban, congkak, tutup botol, dan dam aji manakala permainan gasing, galah panjang, dan konda kondi merupakan permainan laman.

Fokus penyelidikan ini adalah permainan tradisional Gasing Pangkah kerana keunikannya yang tersendiri dan pada hari ini ramai yang tidak mengetahui tentang kewujudannya. Keunikan Gasing Pangkah yang boleh berpusing sehingga setengah jam selepas dipusingkan dengan tali oleh pemain profesional telah menjadi tarikan pelancong kerana tidak semua mampu dan mahir dalam bermain gasing (Nazeri Nong Samah, 1994). Permainan ini menggunakan gasing tradisional yang berbagai bentuk dan para pemain boleh memilih jenis gasing yang mereka mahukan buat satu-satu perlawanan dan antara gasing tersebut adalah gasing berembang, gasing toyol, gasing botol dan pelbagai lagi.

Pada masa kini, masyarakat di Malaysia bukan sahaja kurang mengenali permainan tradisional Gasing Pangkah malahan terdapat juga segelintir di antara mereka yang kurang mengetahui tentang kaedah pembuatan gasing tradisional. Terdapat dua kaedah pembuatan gasing iaitu secara tradisional dan juga secara moden yang menggunakan mesin dalam proses pembuatannya. Kini, kebanyakkan pengusaha pembuatan gasing memilih untuk menggunakan mesin kerana ia mampu menjimatkan masa dan juga tenaga disamping hasil yang diperolehi adalah sama seperti pembuatan yang menggunakan cara tradisional.

Negara kita yang mempunyai pelbagai khazanah seni, budaya dan warisan yang masih lagi wujud dan kekal sehingga kini telah menjadi daya tarikan pelancongan bagi pelancong dari dalam dan luar negara. Sebagai rakyat malaysia, kita perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam mengekalkan seni warisan tradisional di Malaysia agar tidak lenyap ditelan arus pmodenan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat beberapa permasalahan kajian yang ingin dikaji mengenai Gasing Pangkah antaranya adalah kurangnya promosi dan pengenalan mengenai permainan tradisional ini daripada pihak yang berwajib. Ramai di antara rakyat Malaysia kurang mengetahui akan kewujudan permainan Gasing Pangkah dan ia akan mengakibatkan kurangnya sambutan daripada masyarakat setempat di Malaysia terhadap permainan gasing tradisional ini. Oleh itu, usaha Malaysia bagi mengetengahkan lagi warisan seni permainan tradisional Gasing Pangkah di peringkat antarabangsa menjadi lebih sukar.

Permasalahan lain yang turut timbul dan ingin dikaji adalah kerana kurangnya pendedahan tentang proses pembuatan gasing ini berikutan ia tidak diketengahkan atau diperkenalkan kepada masyarakat umum. Masalah ini mungkin timbul kerana ketiadaan atau kurangnya bengkel kemahiran yang mengajar tentang kaedah pembuatan gasing kepada masyarakat di Malaysia. Hal ini juga mungkin dipengaruhi oleh kurangnya sambutan masyarakat dan galakan daripada kerajaan setempat dari segi pemberian dana dan

kemudahan lain. Jika perkara ini dibiarkan berlanjutan maka negara akan kehilangan salah satu seni warisan yang mungkin tidak akan muncul kembali.

Akhir sekali, permasalahan yang mungkin timbul adalah Gasing Pangkah ini tidak mendapat pengiktirafan daripada mana-mana badan atau agensi tempatan sama ada dari segi pembuatan dan juga permainannya. Berikutan dengan itu, pelbagai usaha yang dijalankan kebanyakkan persatuan untuk memperkenalkan seni permainan ini menghadapi kesukaran dan dilihat sebagai sesuatu yang sia-sia. Faedah-faedah yang mungkin persatuan ini perolehi contohnya dari segi bantuan dana dan prasarana mungkin tidak dapat disalurkan kerana permainan itu sendiri tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan menyebabkan usaha persatuan ini berdepan jalan buntu. Contoh terdekat yang dapat dilihat adalah dari usaha dijalankan persatuan Gasing Pangkah di Selangor dimana mereka mungkin tidak dapatkan meneruskan usaha memperkenalkan permainan tradisional ini untuk jangka masa yang panjang berikutankekangan yang mereka alami. Kesannya, usaha memperkenalkan Gasing Pangkah ini kepada masyarakat di dalam dan luar negara mungkin berdepan beberapa permasalahan dan tidak dapat dilakukan secara berterusan.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang dijalankan antaranya adalah untuk mengkaji sejarah Gasing Pangkah di Malaysia. Memahami asal usul permainan tradisional Gasing Pangkah untuk mengkaji bidang tersebut dengan lebih mendalam dan seterusnya dapat membantu menyempurnakan hasil kajian ini untuk rujukan para penyelidik untuk masa akan datang.

Seterusnya, kajian ini dijalankan bagi mengetahui kaedah atau cara pembuatan yang digunakan untuk menghasilkan gasing sama ada secara tradisional mahupun moden. Penyelidikan dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai proses pembuatan gasing, jenis bahan dan peralatan yang digunakan untuk membuat gasing.

Akhir sekali, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti cara dan teknik permainan tradisional Gasing Pangkah. Peraturan dan penghakiman

yang tegas di dalam permainan Gasing Pangkah turut dikuasai melalui kaedah sejarah lisan, dan kemahiran mencari maklumat yang tepat dan sahih.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berpandu kepada persoalan kajian yang wujud mengenai Gasing Pangkah di mana persoalan kajian yang pertama adalah untuk merungkai mengenai sejarah Gasing Pangkah di Malaysia. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui asal-usul permainan Gasing Pangkah di mana pada masa kini ia kurang dikenali oleh kebanyakan masyarakat di Malaysia.

Persoalan kajian yang kedua adalah untuk mengetahui kaedah yang digunakan dalam pembuatan gasing hal ini demikian kerana proses pembuatan gasing adalah kurang dipromosikan atau dipertontonkan kepada orang ramai. Melalui penyelidikan ini proses pembuatan gasing dapat dipelajari daripada awal sehingga akhir proses dan jenis bahan serta peralatan yang digunakan semasa penghasilan gasing.

Persoalan kajian yang terakhir adalah untuk menganalisis cara permainan Gasing Pangkah tradisional yang sebenar. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan dari pihak berwajib mengenai permainan Gasing Pangkah tradisional kepada orang ramai.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan yang dapat dilihat melalui kajian ini adalah kaedah pembuatan gasing secara tradisional dapat dipelihara supaya tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Penyelidikan mendapati bahawa rata-rata pengusaha gasing telah bertukar kepada cara yang lebih moden di mana kebanyakan di antara mereka mereka telah menggunakan mesin. Jadi, untuk melihat proses pembuatan tradisional gasing adalah amat sukar pada masa kini disebabkan oleh kekangan masa dan tenaga yang perlu pengusaha ini hadapi.

Kajian ini sangat penting untuk dilakukan kerana ia dapat memberi impak kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara seni warisan

Gasing Pangkah. Penyelidikan mendapati bahawa permainan Gasing Pangkah ini merupakan suatu seni yang unik sebagai daya tarikan dan tumpuan untuk pelancong ke negara ini. Oleh itu, kita perlu menjaga seni warisan yang telah diwariskan oleh generasi terdahulu kepada kita semua kerana ianya tidak akan wujud kembali jika tidak diusahakan sedari kini.

Selain itu, kepentingan dan sumbangan kajian ini juga adalah negara dapat mencari pelapis sama ada dalam bidang pembuatan gasing mahupun pemain supaya negara dapat mengekalkan seni warisan tradisional permainan gasing. Melalui pengamatan, penubuhan kelab atau persatuan sebagai contoh Persatuan Gasing Pangkah telah menjalankan usaha mencari pelapis muda yang berminat untuk bermain dalam kumpulan. Semangat berpasukan dapat dipupuk dalam kalangan pemain dan persatuan boleh memperkenalkan kepada pemain baharu mengenai keunikian permainan Gasing Pangkah.

TINJAUAN LITERATUR

Kebanyakan permainan tradisional di Malaysia semakin dilupakan terutama dari segi pembuatan, corak permainan, pergerakan, dan perlakuan sesuatu permainan tidak lagi diketengahkan malah anak muda zaman kini lebih gemar kepada permainan moden. Masalah ini juga dapat dilihat pada permainan Wau yang juga mempunyai keunikannya yang tersendiri namun generasi muda semakin kurang minati untuk mewarisi pembuatan kesenian Wau ini. (Ali Hassan Hamad, 2019). Menurut beliau lagi, kepakaran dalam pembuatan Wau akan lopus dalam jangkaan sepuluh tahun akan datang kerana tiada yang ingin mempelajari pembuatan wau tersebut. Ini juga dikhuatirkan akan berlaku kepada permainan tradisional Gasing Pangkah kerana kurangnya penglibatan dari masyarakat terutama golongan muda.

Untuk menyempurnakan penyelidikan ini tinjauan literatur telah dijalankan mengenai bidang permainan tradisional Gasing Pangkah yang merupakan salah satu unsur seni warisan budaya di Malaysia. Masyarakat melayu mempunyai pelbagai seni tradisi dan mempunyai variasi dan pelbagai bentuk antara yang utama adalah muzik tradisional, lagu rakyat dan permainan tradisional (Zaharul Lailiddin, 2014). Kesenian masyarakat melayu adalah hasil sentuhan kreativiti manusia berasaskan ciri tradisi dan budaya masyarakat

Melayu ini meliputi bidang kesusasteraan, tarian, muzik, permainan tradisional, seni bina dan sebagainya (H. Mohd Noordin, 1999)

Permainan tradisional merupakan satu produk yang memiliki ciri asli sesuatu kawasan yang sesuai dengan aspek budaya kehidupan masyarakat digunakan sebagai pembelajaran dan untuk hiburan disamping digunakan untuk menjaga hubungan sosial (Chasanah, 2015). Tambahan lagi, permainan tradisional juga dikenali sebagai permainan rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi dan bermula dari kawasan perkampungan. Permainan tradisional merupakan sebahagian dari sejarah, budaya, dan tradisi di negara kita melalui permainan tradisional kita dapat mempelajari mengenai identiti dan asal-usul sesuatu kumpulan seperti contoh Wau, Gasing dan Congkak adalah antara permainan yang popular dalam kalangan masyarakat melayu (Oh Hui Kun dan Shahreen Mat Nayan, 2019).

Menurut Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah (2016), terdapat banyak manfaat permainan tradisional kepada kelompok yang bermain iaitu permainan tradisional boleh mengeratkan hubungan persaudaraan antara masyarakat setempat di mana permainan tradisional selalunya dimainkan secara berkumpulan tanpa mengira bangsa, jantina dan umur. Masyarakat Malaysia kerap bermain gasing tradisional ini bagi mengisi masa lapang mereka atau merayakan sesuatu perayaan di mana ia mampu mengeratkan hubungan persahabatan antara pemain dan juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat (Valentine B. Jenny, 2014) menurutnya lagi permainan tradisional dapat meningkatkan kecerdasan dan kemahiran psikomotor di kalangan pemain.

Permainan gasing adalah amat popular dalam kalangan masyarakat di kawasan Semenanjung Malaysia seperti di Terengganu, Kelantan dan Melaka di mana permainan ini telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2009 (Jabatan Warisan Negara, 2016). Gasing adalah satu jenis permainan yang berputar di atas paksi berikutan faktor keseimbangnya pada satu titik dan gasing dihasilkan berdasarkan bentuk buah berembang. Istilah gasing berasal dari suku kata ‘ka’ dari perkataan kayu dan ‘sing’ iaitu berpusing (Zaitie Satibi, 2019). Tambahan lagi, gasing tradisional adalah diperbuat dari bahagian kayu terkuat diambil dari tengah atau akar pokok dan antara jenis kayu yang kerap digunakan adalah leban tanduk, merbau, bakau, bakur dan jeruk.

Gasing merupakan objek yang dipusing menggunakan tali dengan memintal atau melilit tali pada gasing dan pemain perlu berada dalam kedudukan kekuda di mana kaki kiri berada di hadapan dan meletakkan gasing paksi ke bawah pada paras bahu lalu membalingkan gasing tersebut ke petak pusingan (Laura Junus, 2015). Panjang tali gasing adalah berbeza-beza bergantung kepada panjang lengan pemainnya dan tali gasing tradisional adalah diperbuat menggunakan kulit pokok terpilih (Agung Jaya Suryawan ,2018). Gasing adalah permainan tradisional masyarakat Melayu yang amat popular dan kerap dimainkan ketika musim menuai padi di mana para petani akan bertanding sesama mereka bagi menunjukkan bakat dan kemahiran mereka bermain gasing (Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah, 2016).

Terdapat bentuk asas yang sering digunakan dalam pembuatan gasing iaitu bentuk gasing berembang, gasing jantung, dan gasing telur yang sering dijadikan sebagai model oleh pemain gasing untuk mereka cipta gasing mereka berdasarkan keperluan dan keligatan gasing berpusing. Gasing diberi nama kebiasaananya berdasarkan sifat dan bentuknya contohnya gasing leper yang diberi nama berdasarkan bentuknya yang leper atau nipis (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999). Gasing diperbuat dari kayu dengan ukur lilit 36 cm minimum dan 46 cm maksimum dan ketinggian gasing 8 cm minimum dan 12 cm maksimum di mana gasing tersebut boleh mencapai berat maksimum 800 gram bagi golongan dewasa (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999). Terdapat dua cara permainan gasing tradisional iaitu sebagai Gasing Pangkah serta Gasing Uri di mana kedua-dua cara ini amat berbeza dari segi peraturan permainannya.

Menurut Nazeri Nong Samah (1994) permainan Gasing Pangkah merupakan warisan tradisional Melayu yang unik serta berseni dan berpotensi untuk di kembangkan ke seluruh dunia yang memerlukan promosi dari semua pihak. Keunikan permainan Gasing Pangkah ini menjadi daya tarikan pelancong kerana tidak semua orang mahir bermain gasing. Terdapat tiga kriteria bagi memastikan gasing dapat bertahan lebih lama iaitu kelajuan, keseimbangan dan kekuatan (Aniza Zainuddin, 2019) di mana Gasing Pangkah dimainkan dengan cara memangkah gasing pihak lawan yang

sedang berpusing di bahagian atas badan gasing yang telah dipasangkan besi. Gasing Pangkah dimainkan dengan melemparkan gasing sehingga mengetuk gasing pihak lawan untuk menghentikan pusingan manakala untuk gasing uria dipertandingkan dalam sesuatu acara untuk menguji ketahanan gasing berpusing untuk tempoh yang lama (Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana, 2014).

Badan Gasing Pangkah mempunyai pemberat yang diletak di bahagian tepi menggunakan timah dan ia juga membantu dalam memberi keseimbangan kepada gasing (Aniza Zainuddin, 2019) dan ditepinya juga akan dimasukkan dawai, habuk kayu dan sapuan gam kemudian gasing tersebut akan dilarik semula gasing yang dimainkan tidak mudah pecah dan timah yang dipasang tidak tercabut dari bahagian badan gasing semasa pertandingan. Tambahan lagi, bagi tujuan pertandingan tidak dibenarkan sama sekali disimpai atau dibingkaikan pada luaran badan gasing tersebut kerana ia akan mengakibatkan gasing pihak lawan rosak dengan teruk dan boleh mendatangkan bahaya bagi penonton yang berada dekat dengan gelanggang.

Permainan Gasing Pangkah mempunyai dua pihak iaitu pihak pemangkah dan pihak pemusing di mana kedua-dua pihak akan bertukar-tukar giliran pada setiap pusingan. Pihak pemusing akan memusingkan gasing mereka di dalam kawasan petak gelanggang dan kemudian pihak pemangkah akan memangkah keluar gasing pihak pemusing sehingga selesai semua gasing dikeluarkan (S. Anand Kumar, 2015). Tambahan lagi, permainan Gasing Pangkah ini dimainkan dalam acara berkumpulan antara lima hingga tujuh pemain dalam satu perlawanan dan kepakaran pemangkah amatlah dititikberatkan bagi mematikan gasing pihak lawan serta pangkahan menepati sasaran bagi menjuarai perlawanan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah sejarah lisan di mana melalui kaedah ini segala informasi penting atau cerita di sebalik peristiwa yang telah berlaku pada suatu masa dahulu diperolehi melalui sesi wawancara yang telah dijalankan bersama tokoh yang telah dipilih. Tokoh yang telah diwawancara adalah Encik Mohd Aziz bin Samsudin seorang pembuat dan juga pemain Gasing Pangkah di Kampung Bukit Kapar, Selangor. Tokoh tersebut telah dipilih kerana kepakarannya di dalam seni permainan Gasing Pangkah

yang jarang diketahui oleh umum. Beliau juga sangat aktif dalam mempromosikan kegiatan Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Bukit Kapar di *Facebook*.

Selain itu, pengumpulan data untuk kajian ini diperoleh daripada rujukan bahan bacaan seperti artikel, surat khabar, dan bahan arkib. Bahan-bahan tersebut boleh didapatkan daripada internet, perpustakaan dan juga Arkib Negara Malaysia sebagai langkah untuk mempelbagaikan lagi bahan bacaan untuk rujukan penyelidikan bagi menyelesai dan menyiapkan kajian ini. Di samping itu, satu temubual ringkas dikenali sebagai *preliminary interview* untuk memperoleh sedikit informasi mengenai tokoh dan juga bidang yang diceburinya.

Wawancara telah dijalankan bersama tokoh menggunakan kaedah temubual berstruktur di mana beberapa soalan telah disediakan berdasarkan jenisnya seperti soalan mengenai latar belakang tokoh (*orientation question*), soalan kebiasaan (*common question*) dan soalan spesifik. Temubual berstruktur dijalankan adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat yang tepat mengenai tokoh dan bidang permainan tradisional Gasing Pangkah di mana kaedah ini membenarkan tokoh untuk menghuraikan seberapa banyak informasi yang diketahuinya kepada penyelidik.

HASIL KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah mengenai bidang permainan tradisional Gasing Pangkah, melalui kajian ini beberapa aspek telah dirungkai terutamanya kaedah pembuatan gasing dan kaedah permainan Gasing Pangkah. Kedua-dua maklumat tersebut telah diperolehi daripada hasil temubual dan bahan bacaan di mana hasil kajian tersebut akan dirumuskan untuk menghasilkan informasi yang terkini buat penyelidikan pada masa akan datang.

Sejarah Gasing Pangkah Tradisional di Malaysia

Masyarakat melayu mempunyai pelbagai jenis warisan dan tradisi dan salah satu daripadanya ialah permainan tradisional Gasing Pangkah. Permainan ini lazimnya dimainkan oleh golongan lelaki terutamanya golongan remaja. Gasing Pangkah selalunya dikaitkan dengan penduduk di kawasan timur seperti Terengganu, Kelantan, Pahang namun permainan ini juga turut dimainkan di kawasan lain seperti Johor, Melaka, Sarawak dan juga Selangor (Asfarina Ismaili, 2020). Menurut Mohd Aziz, setiap negeri turut memainkan permainan ini termasuk Selangor namun permainan ini tidak lagi diketengahkan.

Permainan Tradisional Gasing Pangkah ini telah dimainkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Permainan ini dimainkan di Mekah dan ia dibawa ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang Arab yang berdagang ke Tanah Melayu. Permainan gasing masih dimainkan sehingga kini dan ia juga dijadikan sebagai warisan kesenian dalam masyarakat Melayu (Jabatan Kebudayaan dan kesenian Negara)

Kaedah pembuatan gasing tradisional

Menurut Zaitie Satibie (2019) pembuatan gasing tradisional adalah diperbuat dari bahagian kayu terkuat yang diambil dari tengah atau akar pokok. Antara jenis kayu yang sering digunakan untuk membuat gasing adalah kayu koran, kayu meranti, kayu tualang, kayu kemuning dan sebagainya di mana kayu-kayu tersebut sangat kuat dan keras sesuai untuk membuat gasing. Kayu yang digunakan kebiasaannya diambil daripada bahagian teras kerana ia lebih kuat dan tidak akan membuatkan gasing mudah pecah. Pernyataan ini adalah benar dan disokong oleh Mohd Aziz bahawa bahan yang digunakan untuk membuat gasing adalah kayu iaitu dengan menggunakan teras kayu yang kuat dan juga besi iaitu paku yang berfungsi sebagai paksi.



Gambar 1: Kayu digunakan untuk membuat gasing

Pada masa kini, kebanyakan pengusaha gasing telah beralih kepada kaedah yang lebih canggih dan moden menggunakan mesin pada setiap prosesnya di mana ia mampu menjimatkan masa dan jumlah yang dapat dihasilkan dalam tempoh sehari adalah sebanyak sepuluh biji. Antara mesin yang digunakan adalah seperti *chainsaw* dan mesin pelarik di mana kedua mesin ini akan digunakan untuk membulatkan kayu dan membentuk kayu menjadi sebiji gasing. Manakala, untuk menghasilkan tali gasing bahan yang diperlukan adalah benang atau tali terap tanpa dijalinkan tali tersebut dengan dawai halus bagi menguatkannya di mana ia dilarang sama sekali dalam situasi perlawanan. Terdapat mesin yang boleh menghasilkan tali gasing dan ia mampu menghasilkan sebanyak lima puluh tali dalam masa sehari.



Gambar 2: Proses melarik badan gasing.



Gambar 3: Tali yang digunakan untuk bermain gasing

Menurut Mohd Aziz, di Malaysia, terdapat pelbagai jenis bentuk gasing yang wujud pada masa kini di mana setiap daripadanya dinamakan berdasarkan bentuk gasing tersebut sebagai contoh gasing berembang kerana bentuknya seperti buah berembang. Tambahan lagi, nama gasing juga diberi berdasarkan ciri atau fungsi gasing tersebut di dalam sesuatu permainan misalnya gasing toyol mempunyai badan yang kecil serta ligat beraksi di tengah gelanggang bagi menyukarkan dan mengganggu pihak lawan.



Gambar 4: Jenis gasing berembang

Permainan tradisional Gasing Pangkah ini selalu dimainkan di kawasan Semenanjung Malaysia dan menurut Mohd Aziz beliau kerap bermain di kejohanan Gasing Pangkah di negeri lain seperti di Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan juga Melaka. Walaupun permainan ini semakin kurang mendapat sambutan masyarakat namun begitu gerakan atau usaha dilakukan persatuan

yang masih aktif ini menyebabkan permainan ini masih kerap dimainkan negeri-negeri terbabit.

Kaedah permainan Gasing Pangkah

Kajian dijalankan adalah untuk mempelajari dan mengetahui tentang cara permainan Gasing Pangkah di mana permainan ini amat sukar untuk dimainkan kerana ia memerlukan ketangkasan para pemainnya untuk segera bertindak kerana permainan ini boleh mengakibatkan kecederaan jika tidak berhati-hati. Gasing Pangkah dimainkan dengan melemparkan gasing sehingga mengetuk gasing pihak lawan untuk menghentikan pusingan (Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana, 2014) dan pernyataan ini turut dipersetujui oleh tokoh iaitu Mohd Aziz melalui penerangannya mengenai kaedah permainan Gasing Pangkah.

Terdapat dua posisi dalam permainan Gasing Pangkah iaitu pihak pemusing dan pihak pemangkah di mana di dalam perlawanan kedua-dua pasukan akan bergilir-gilir bertukar posisi sebagai pemangkah dan pemusing setelah salah satu pasukan memperolehi mata dalam pusingan tersebut. Jadi mereka akan merasa kedua-dua posisi sewaktu perlawanan berlangsung. Masa yang diambil untuk melengkapkan sepuluh mata kemenangan tidak tetap bagi satu perlawanan di mana ia bergantung kepada kekuatan dan strategi pemain. Menurut Mohd Aziz, masa yang paling panjang pernah beliau dan pasukan perolehi untuk sepuluh mata kemenangan adalah selama tiga jam empat puluh minit dan masa yang paling cepat pernah beliau capai adalah selama satu jam untuk satu perlawanan.

Gasing Pangkah dimainkan secara regu di mana satu regu mempunyai empat orang pemain begitu juga sebaliknya untuk pihak lawan dan selalunya perlawanan gasing diadakan di gelanggangnya yang tersendiri. Gelanggang tersebut menggunakan tanah *topsoil* yang lembut dan sesuai untuk bermain gasing iaitu tanah yang halus dan tidak berbatu. Permainan Gasing Pangkah yang memerlukan lontaran gasing yang kuat bagi memangkah gasing pihak lawan boleh menyebabkan lantai dan gasing mudah rosak jadi lantai yang bersesuaian adalah amat diperlukan untuk bermain Gasing Pangkah. Menurut Encik Mohd Aziz, antara usaha yang boleh dilakukan untuk menyelenggara

lantai gelanggang adalah dengan memampatkan terlebih dahulu lantai tersebut dengan menggunakan peralatan khas. Lantai yang basah akan dibakar dengan minyak petrol sehingga ia kering sesuai digunakan untuk bermain Gasing Pangkah dan proses ini akan dilakukan apabila keadaan lantai sudah tidak sesuai untuk bermain gasing.



Gambar 5: Gelanggang gasing.



Gambar 6: Gelanggang yang digunakan untuk bermain gasing.

Seperti kebanyakan permainan, Gasing Pangkah juga mempunyai peraturannya yang tersendiri di mana pihak pemangkah dan pihak pemusing perlu patuhi. Peraturan yang perlu pihak pemangkah patuhi adalah kaki pemain tidak boleh melebihi gasing yang dipangkahnya selepas berada di kawasan pemangkah sebelum ia memangkah. Selain daripada itu, pusingan dianggap terbatal dan posisi akan bertukar apabila gasing yang dipangkah beralih ke garisan belakang pemangkah. Kemudian untuk pihak pemusing peraturan yang perlu dipatuhiinya adalah mereka perlu menjaga uri gasing agar

tetap berpusing sepanjang perlawanan dan mereka perlu menjaga gasing agar tidak rapat dengan gasing ahli pasukannya yang lain jika berlanggar maka akan terbatal lah pusingan tersebut.



Gambar 7: Kaedah memangkah gasing.



Gambar 8: Kaedah membela uri gasing.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, permainan tradisional Gasing Pangkah semakin kurang diminati dan hampir dilupakan oleh masyarakat Malaysia pada masa kini. Kajian yang dilakukan melalui sejarah lisan amat penting untuk dijalankan bagi menghargai, memelihara dan menjaga warisan seni yang bergelut dengan peredaran zaman. Permainan Gasing Pangkah bukan sahaja seni warisan tradisional, ia juga boleh dijadikan sebagai sukan yang mampu memupuk

semangat persaudaraan semasa perlawanan dan juga latihan yang sering diadakan. Semangat pasukan dan persaudaraan juga adalah salah satu cara untuk menjaga tradisi permainan tradisional tersebut.

Keunikan gasing dapat dilihat pada permainan Gasing Pangkah, kerana sehingga kini, tidak ramai yang tahu cara dan peraturan permainan Gasing Pangkah dengan betul. Permainan yang unik dapat menarik minat pelancong untuk mengetahui lebih banyak mengenai permainan tradisional ini. Dari segi pembuatan, kemahiran yang tinggi diperlukan untuk penghasilan gasing yang berkualiti dan tidak mudah rosak. Ramai yang tidak mengetahui cara dan kaedah pembuatan tradisional Gasing Pangkah ini kerana orang yang berpengalaman sahaja yang mampu menghasilkan gasing yang berkualiti. Oleh itu, kajian sejarah lisan ini akan mengkaji cara dan kaedah pembuatan tradisional yang digunakan di dalam pembuatan Gasing Pangkah ini dan teknik dalam permainan tradisional Gasing Pangkah.

RUJUKAN

- Fadly, M., Zulhilmy, M., & Bazilah, N. (2016). Box of Traditional Game: A Matching of Tourism and Malaysian Cultures.
- Ismaili, A (2020, Julai 6). Anak muda hidupkan gasing warisan Melayu Spaoh. Astro Awani. Diperoleh pada Januari 18, 2021, dari <https://www.astroawani.com/video-malaysia/anak-muda-hidupkan-gasing-warisan-melayu-spaoh-1857729>
- Jabatan Warisan Negara (n.d.). Permainan Tradisi. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (n.d.). Gasing. Diperoleh pada Januari 18, 2020, dari <https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/447>
- Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (1999). Peraturan Gasing Banyak Uri. https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/gasing_banyak_uri.pdf
- Kumar, S. (2015, Oktober 19). Gasing Pangkah Johor tak goyah. Diperoleh pada November 08, 2020, dari <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/90241/gasing-pangkah-johor-tak-goyah>
- Leman, N. (2016, September 21). Permainan gasing perlu di semarakkan. Diperoleh pada November 09, 2020, dari <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/194931/permianan-gasing-perlu-disemarakkan>

- Mat Nayan, S., & Kun, O. (2019). Jom Main! (Let's Play!): Promoting The Values Of Malaysia Traditional Children's Games Through The Media. *Media Literacy And Academic Research*, 2(2), 52-84. Diperoleh dari <http://cejsh.icm.edu.pl/cejsh/element/bwmeta1.element.desklight-34987126-4197-4972-8fd4-587d58db212f>
- Nazeri, N. (1994, August 15). Keunikan permainan Gasing Pangkah. Diperoleh pada November 09, 2020, dari <http://commonrepo.um.edu.my/id/eprint/1943>
- Satibi, Z. (2019, May 08). Gasing Nusantara. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/05/453327/gasing-nusantara>
- Saidon, Zaharul. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. Conference: Kongres Warisan Melayu Sedunia 2014.
- Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana Abel Rahman. Uji Kegagahan Tumpas Lawan. Harian Metro. 2014 Nov 20.
- Siti Raudah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 11, 2020, dari https://www.researchgate.net/publication/263619343_PENUKILAN_ilm_u_BAHARU_MELALUI_SEJARAH_LISAN
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Kepentingan Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- Vengadasalam, Chander & Balakrishnan, Malathi & Cheng, Ooi & Jabatan, Lee & Jasmani, Pendidikan & Kesihatan, Dan. (2019). Perkembangan Nilai Moral Melalui Inovasi Permainan Tradisional.
- Zainudin, A. (2019, Februari 12). 21 tahun tak jemu main gasing. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari <https://www.hmetro.com.my/renanca/2019/02/422270/21-tahun-tak-jemu-main-gasing>